

KURIKULUM PENGAJIAN ISLAM DAN PENDIDIKAN MORAL DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH BERKUALITI: SATU KAJIAN DI POLITEKNIK MUKAH

Fatin Faqeriah Hamsah¹, Termimi Hidayat Mahyan² dan Farah Hanan Abu Bakar³

¹Politeknik Mukah 1 Sarawak

faqeriah@pmu.edu.my

termimi@pmu.edu.my

farah@pmu.edu.my

Abstrak: Pendidikan merupakan elemen utama dalam mendidik generasi cemerlang serta membentuk sahsiah peribadi yang berkualiti. Masalah sosial dan salah laku pelajar semakin membimbangkan telah memberi impak negatif dalam kehidupan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral, mengetahui tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah berkualiti dan mengkaji hubungan di antara kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan pembentukan sahsiah pelajar. Responden kajian ini adalah pelajar semester dua sesi 2: 2021/2022 yang mengambil kursus Pengajian Islam dan Pendidikan moral terdiri daripada dua jabatan iaitu Jabatan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Perdagangan (JP) iaitu seramai 137 orang. Satu set soal selidik yang mengandungi 24 item telah diedarkan kepada responden. Analisis deskriptif dijalankan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 26*. Analisis secara inferensi juga dijalankan dengan menggunakan korelasi *Pearson* untuk mengkaji hubungan antara kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan pembentukan sahsiah pelajar. Hasil kajian menunjukkan tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dan tahap penghayatan pelajar terhadap pembentukan sahsiah berkualiti berada pada tahap nilai min yang tinggi iaitu masing-masing 4.52 dan 4.34. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan pembentukan sahsiah pelajar iaitu $r = 0.585$. Kesimpulannya, kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral di Politeknik adalah salah satu saluran dalam membentuk sahsiah dan peribadi yang unggul.

Kata Kunci: kurikulum Pengajian Islam; kurikulum Pendidikan Moral; pembentukan; sahsiah; berkualiti; Politeknik Mukah

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan elemen dan tunjang utama dalam mendidik generasi yang cemerlang serta penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pendidikan di Malaysia bertujuan membentuk insan yang mampu memajukan potensi diri secara menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan serta membangunkan insan yang mencakupi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani sepertimana dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Mazarul Hasan et al. (2020), pembelajaran dunia globalisasi masa kini yang berkonsepkan kemahiran telah diterima kebanyakan negara dengan memasukkan konsep tersebut ke dalam kurikulum program pendidikan. Menurut Ahmad Sahlan et al. (2020), sistem pendidikan di Malaysia sangat



memberi fokus dalam melahirkan insan yang memiliki sahsiah yang berkualiti serta berilmu pengetahuan.

Sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan, seorang pelajar perlu berusaha memperbaiki dan membentuk sahsiah dan peribadi yang berkualiti bagi melahirkan insan yang unggul dalam pelbagai aspek. Kecemerlangan akademik pelajar yang seimbang dengan pembangunan sahsiah yang berkualiti sangat dituntut agama dalam menuju kemajuan sesuatu negara. Menurut Noraini Harun et al. (2021), sistem Penasihat Akademik berkesan dalam membantu proses pendidikan akhlak bagi mencapai kecemerlangan akademik yang dipacu dengan akhlak dan nilai yang murni sebagai persediaan di alam pekerjaan. Menurut Khadijah Alavi et al. (2012), kejayaan seorang pelajar bukanlah dinilai berdasarkan cemerlang akademik semata-mata, tetapi haruslah dinilai dari semua aspek terutamanya kecemerlangan sahsiah. Menurut Asmawati Suhid et al. (2018), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menggariskan pembentukan sahsiah dan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan agar mampu melahirkan generasi yang memiliki penghayatan jati diri yang mulia pada diri pelajar. Menurut Hasbullah Mat Daud et al. (2020), melalui penerapan akhlak murni, seseorang mampu membentuk sahsiah diri yang luhur. Pembelajaran sosial perlu diberi perhatian kerana ianya penting dalam proses pembentukan jati diri pelajar. Sistem pendidikan di Malaysia turut memberi penekanan terhadap pembelajaran sosial dengan menerapkan nilai-nilai murni.

Era globalisasi hari ini dipenuhi pelbagai gaya kehidupan baru memberi kesan dan cabaran kepada masyarakat. Masyarakat berdepan dengan pelbagai isu keruntuhan sahsiah dan akhlak manusia yang sangat membimbangkan. Menurut Roshadah Abu Bakar et al. (2020), isu masalah sosial dalam kalangan pelajar menjadi perhatian serius oleh masyarakat. Peningkatan kejadian salah laku, masalah sosial serta jenayah dalam kalangan pelajar seperti ponteng sekolah, pergaduhan, buli, jenayah siber, seks bebas, penyalahgunaan dadah dan pengaruh alkohol bukan sahaja memberi kesan negatif kepada prestasi akademik tetapi turut menjejaskan pembentukan modal insan yang mempunyai sahsiah yang unggul. Menurut kenyataan Media Statistik Jenayah, Malaysia (2021) melaporkan bahawa, jenayah siber adalah penggunaan kemudahan teknologi maklumat yang disalah guna menyebabkan ramai remaja terjebak dalam aktiviti tidak bermoral. Ianya meningkat sebanyak 99.5 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Menurut Khuldiah Iman dan Hilwa Abdullah (2019), seseorang yang terjebak dengan jenayah seksual adalah disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan tentang pendidikan akhlak serta tiada keharmonian dalam keluarga. Menurut Adibah Bahori dan Siti Zubaidah Ismail (2018) pula, walaupun pelbagai program telah dilaksanakan namun jenayah pembuangan bayi masih terus berleluasa. Menurut Rosni Wazir et al. (2020), isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja, menunjukkan peningkatan yang sangat membimbangkan. Isu ini mempunyai kaitan rapat dengan masalah keruntuhan akhlak dan nilai akidah yang perlu diberi perhatian. Penyalahgunaan dadah kini berleluasa melibatkan semua golongan usia tidak kira dewasa, remaja dan pelajar sekolah. Menurut Mohamed Hamdan Abdullah et al. (2018), isu masalah sosial yang bertentangan dengan nilai sahsiah yang murni sering dilaporkan dalam media massa terutamanya golongan remaja dan pelajar sekolah. Pembentukan sahsiah yang unggul dalam diri pelajar sangat penting bagi mengatasi masalah sosial dan salahlaku terus menular.

Dalam konteks politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah mengemaskini kurikulum yang sedia ada untuk memastikan pelajar memiliki keupayaan berfikir dan sahsiah yang tinggi. Di Politeknik perlaksanaan kursus Pengajian Islam dan



Pendidikan Moral merupakan salah satu pengajaran terpenting dalam pembentukan sahsiah pelajar agar salaras dengan nilai-nilai murni. Menurut Shahidan Shafie dan Ying-Leh Ling (2017), kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral diperkenalkan selari dengan matlamat menerapkan nilai dan sahsiah yang murni dalam diri pelajar sebagai persediaan ke alam pekerjaan. Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya dibuat satu kajian bagi meninjau kemampuan kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dalam membentuk sahsiah pelajar yang berkualiti.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengetahui tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum pengajian Islam dan pendidikan Moral.
2. Mengetahui tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah berkualiti setelah mengikuti kurikulum pengajian Islam dan pendidikan Moral.
3. Mengkaji hubungan di antara kurikulum pengajian Islam dan pendidikan Moral dengan pembentukan sahsiah pelajar.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Sahsiah Menurut Islam

Makna sahsiah adalah sifat-sifat yang membezakan peribadi seseorang individu dengan individu yang lain. Sahsiah juga digunakan dalam bahasa Melayu yang membawa maksud akhlak dan keperibadian. Menurut Ibn Manzur (2005), menjelaskan istilah sahsiah adalah daripada perkataan bahasa Arab iaitu *shikhas*, *shakhus*, *shaskhas*, *shukhus*, *shakhis* yang membawa makna seseorang memiliki akhlak mulia. Menurut Shahabuddin Hashim et al. (2014), sahsiah juga merupakan perkataan daripada bahasa Arab yang membawa erti keperibadian atau peribadi. Makna peribadi pula merujuk pada sifat-sifat yang telah sehati pada dirinya dan membentuk watak dalam diri seseorang. Menurut Asming Yalawae dan Ahmad Farid (2007), sahsiah adalah akhlak yang mulia dijadikan asas kepada pembentukan peribadi, adab dan perangai diri seseorang. Menurut Ibrahim et al. (2012), sahsiah yang baik mempunyai tabiat fitrah semula jadi seseorang iaitu senyum, marah, ketawa dan sebagainya. Sahsiah adalah suatu sifat yang unik dapat membezakan diri seseorang dengan individu lain. Berdasarkan definisi yang dikemukakan tersebut, pengkaji merumuskan dan merangkumkan ciri-ciri pengertian sahsiah yang saling melengkapi dalam makna sebenar sahsiah. Sahsiah merupakan terjemahan tingkah laku dan perwatakan hasil daripada penghayatan pendidikan sosial yang diperolehi melalui gambaran peribadi luar seseorang.

2.2 Pembentukan Sahsiah

Pembentukan sahsiah adalah proses membentuk sikap seseorang individu ke arah lebih baik dan bertanggungjawab seterusnya menjadi kebiasaan dan tabiat. Menurut Aimi Khairunnisa (2020), pembentukan sahsiah memerlukan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak untuk membentuk perubahan perbuatan dan sikap seseorang individu. Pembentukan perilaku sahsiah merupakan akhlak, tingkah laku atau keperibadian yang lahir daripada pembentukan psikologi manusia dalam membentuk akhlak atau sahsiah seseorang yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain.



2.3 Pemahaman Kurikulum Pengajian Islam

Pendidikan Islam merupakan saluran dalam membentuk pemikiran serta peribadi muslim. Menurut Supyan Husin (2014), Pendidikan Islam adalah salah satu kaedah menyalurkan ilmu pengetahuan dan penerapan akhlak Islam berteraskan al-Quran dan as-Sunnah untuk kemaslahatan di dunia dan akhirat. Kurikulum Pengajian Islam adalah salah satu kurikulum yang ditawarkan di Politeknik, mencakupi semua aspek kehidupan. Dalam kurikulum tersebut, ada empat topik utama. Pada topik pertama iaitu Islam sebagai ad-din menerangkan tentang Islam, iman dan ihsan. Seterusnya topik kedua iaitu Islam dan asas Syariah pula membincangkan tentang sumber ilmu Islam dan asas Syariah. Bagi topik ketiga iaitu institusi Islam pula membincangkan tentang institusi keluarga dan masyarakat, ekonomi, pendidikan dan siasah. Manakala topik keempat pula iaitu Islam dan cabaran semasa membincangkan tentang isu semasa seperti keruntuhan akhlak, globalisasi, sains, teknologi, *Information and Communication Technology* (ICT), pembangunan alam sekitar, dialog peradaban, salah faham terhadap Islam, ekstremisme dalam beragama dan radikalisme. Kurikulum Pengajian Islam adalah berasaskan konsep tauhid dengan mengakui kebesaran dan keesaan Allah SWT dalam memupuk akhlak pelajar muslim agar taat dan patuh pada tuntutan syarak. Menurut Hamidah Sulaiman et al. (2013), ilmu pengajian Islam haruslah diterapkan dari rumah agar mampu melahirkan kekuatan rohani seterusnya dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

2.4 Pemahaman Kurikulum Pendidikan Moral

Menurut Fatimah Ibda (2012), Pendidikan Moral adalah pendidikan akhlak yang merangkumi pendekatan dan kaedah mengajar pelajar tentang pengetahuan, sikap, kepercayaan, kemahiran dan tingkah laku moral baik, betul, adil serta mengambil berat terhadap orang lain. Pendidikan Moral bertujuan melahirkan individu yang mempunyai keperibadian yang tinggi serta memupuk dan mengamalkan nilai moral dalam kehidupan. Pendidikan Moral juga bertujuan melahirkan insan yang konsisten melaksanakan tingkahlaku sesuai dengan konsep moral dengan berlandaskan agama, budaya dan tradisi moral dalam masyarakat. Menurut kenyataan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1988), Pendidikan Moral dapat membentuk seseorang dengan peribadi dan akhlak yang mempunyai nilai murni dalam diri bagi menyumbang ke arah pembangunan dan perpaduan negara.

Kurikulum Pendidikan Moral mempunyai lima topik utama iaitu pengenalan Pendidikan Moral, konsep dan teori moral, nilai-nilai etika agama, sosialisasi dan pembentukan tabiat moral dan peranan individu terhadap masyarakat serta negara. Dalam topik pertama iaitu pengenalan Pendidikan Moral membincangkan tentang pengenalan dan amalan Pendidikan Moral dalam kehidupan. Bagi topik kedua pula iaitu konsep dan teori moral membincangkan tentang dimensi dan teori-teori moral. Seterusnya topik ketiga iaitu nilai-nilai etika agama membincangkan tentang etika dari perspektif agama, perbezaan di antara moral, agama, adat dan undang-undang dan sifat-sifat seorang individu yang bermoral. Bagi topik keempat iaitu sosialisasi dan pembentukan tabiat moral pula membincangkan tentang norma- norma sosial dan kawalan sosial serta peranan agen-agen sosialisasi seperti keluarga, pendidikan, media massa dan kelompok main. Manakala topik kelima iaitu peranan individu terhadap masyarakat serta negara membincangkan tentang peranan dan tanggungjawab individu terhadap diri sendiri, keluarga, warga tua, budaya ikram, kejiwaan, elemen-elemen yang mencabar nilai- nilai moral serta isu-isu semasa di kalangan remaja.



3. Metodologi Kajian

3.1 Populasi dan Kaedah Persampelan

Menurut Mohamad Najib (1999), populasi kajian adalah terdiri daripada semua ahli dalam kelompok kajian. Populasi kajian ini adalah pelajar semester dua sesi 2: 2021/2022 yang didedahkan dengan kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral. Sampel diambil daripada keseluruhan populasi. Jumlah responden adalah seramai 137 orang. Seramai 87 orang pelajar yang mengambil kursus Pengajian Islam dan 50 orang adalah pelajar kursus Pendidikan Moral.

3.2 Instrumen Kajian

Kaedah kuantitatif digunakan untuk menghasilkan data kajian ini dengan membangunkan set soal selidik menggunakan *google form*. Terdapat 3 bahagian utama dalam set soal selidik tersebut. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden, Bahagian B pula adalah tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dan Bahagian C adalah berkaitan tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah berkualiti. Analisis data dalam bahagian B dan C adalah berdasarkan Skala Likert 5 iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Menurut Lukman Hakim (2014), set soal selidik boleh diadaptasikan daripada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain.

3.3 Analisis Data

Analisis data adalah secara deskriptif dan inferensi. Kadangkala pengkaji boleh menggunakan pelbagai teori dan formula sendiri bagi menghasilkan satu indeks tersendiri berdasarkan objektif kajian (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2003). Oleh itu, hasil analisa dalam bahagian B, C, D, E dan F dianalisis berdasarkan kepada nilai skor min kepada tiga tahap iaitu:

Jadual 1. Nilai skor min.

| Nilai Skor Min | Tahap |
|----------------|-----------|
| 1.00 – 2.33 | Rendah |
| 2.34 – 3.67 | Sederhana |
| 3.68 – 5.00 | Tinggi |

Jadual 1 adalah nilai skor min dikelaskan kepada 3 tahap iaitu tahap rendah nilai min 1.00 – 2.33, tahap sederhana nilai min 2.34 – 3.67 dan tahap tinggi nilai min 3.68 – 5.00. Bagi analisis inferensi pula, pengkaji menggunakan kaedah *Pearson Coefficient Of Correlation*. Analisis korelasi dihasilkan adalah untuk mengetahui hubung kait antara dua pemboleh ubah (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Pengkaji menggunakan cadangan Davis (1971) dalam menentukan tahap kekuatan korelasi.

Jadual 2. Klasifikasi kekuatan korelasi.

| Julat (+ atau -) | Kekuatan |
|------------------|----------------|
| 0.01 hingga 0.09 | diabaikan |
| 0.10 hingga 0.29 | rendah |
| 0.30 hingga 0.49 | Sederhana kuat |
| 0.50 hingga 0.69 | kuat |
| 0.70 atau lebih | Sangat kuat |

Jadual 2 adalah klasifikasi kekuatan korelasi mengikut tahap kekuatan. Julat 0.01 – 0.09 tahap kekuatan diabaikan, 0.10 – 0.29 tahap rendah, 0.30 – 0.49 tahap sederhana kuat, 0.50 – 0.69 tahap kuat dan 0.70 atau lebih tahap sangat kuat.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 3. Jantina.

| Jantina | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Lelaki | 55 | 40.1 |
| Perempuan | 82 | 59.9 |
| Jumlah | 137 | 100 |

Jadual 3 menunjukkan jantina responden. Jumlah responden adalah 137 orang. Pelajar lelaki adalah 55 orang (40.1%) manakala perempuan adalah 82 orang (59.9%).

Jadual 4. Agama.

| Agama | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Islam | 98 | 71.5 |
| Bukan Islam | 39 | 28.5 |
| Jumlah | 137 | 100 |

Jadual 4 menunjukkan agama responden. Pelajar beragama Islam adalah seramai 98 orang (71.5%). Manakala bukan beragama Islam adalah seramai 39 orang (28.5%). Majoriti responden adalah beragama Islam kerana pelajar yang mengambil kursus Pengajian Islam terlibat dua jabatan iaitu JTMK dan JP manakala selebihnya adalah responden bukan Islam yang mengambil kursus Pendidikan Moral hanya melibatkan pelajar dari jabatan JTMK sahaja.

Jadual 5. Bangsa.

| Agama | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Melayu | 46 | 33.6 |
| Cina | 7 | 5.1 |
| India | 1 | 0.7 |
| Iban | 25 | 18.2 |
| Melanau | 44 | 32.1 |
| Bidayuh | 1 | 0.7 |
| Lain-lain | 13 | 9.5 |
| Jumlah | 137 | 100 |

Jadual 5 adalah dapatan kajian bangsa responden. Sejumlah 46 orang (33.6%) responden berbangsa Melayu, 7 orang (5.1%) berbangsa Cina, seorang (0.7%) berbangsa India, 25 orang (18.2%) berbangsa Iban, 44 orang (32.1%) berbangsa Melanau, seorang (0.7%) berbangsa bidayuh dan 13 orang (9.5%) berbangsa lain-lain. Ini menunjukkan pelajar terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik di Politeknik Mukah.

Jadual 6. Gred SPM.

| Gred | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| A | 21 | 15.3 |
| A- | 22 | 16.1 |
| B+ | 39 | 28.5 |
| B | 26 | 19.0 |
| B- | 1 | 0.7 |
| C+ | 20 | 14.6 |
| C | 6 | 4.4 |
| > C | 2 | 1.5 |
| Jumlah | 137 | 100 |

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut gred yang diperolehi dalam SPM untuk subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral pula, seramai 21 orang (15.3%) mendapat A, 22 orang (16.1%) mendapat A-, 39 orang (28.5%) mendapat B+, 26 orang (19.0%) mendapat B, seorang (0.7%) mendapat B-, 20 orang (14.6%) mendapat C+, 6 orang (4.4%) mendapat C dan 2 orang (1.5%) mendapat di bawah gred C. Ini menunjukkan majoriti responden mendapat gred yang baik dalam Pendidikan Islam dan pendidikan Moral di peringkat SPM.

4.2 Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral

Jadual 7. Tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral.

| No. Item | Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Tahap Interpretasi |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------|--------------------|
| B1 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar saling hormat menghormati kepada guru dan rakan | 4.60 | .600 | Tinggi |
| B2 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang mematuhi peraturan-peraturan disiplin di Politeknik | 4.44 | .674 | Tinggi |
| B3 | Kurikulum Pengajian Islam /Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa menghargai jasa | 4.51 | .608 | Tinggi |
| B4 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang menggunakan bahasa sopan ketika berkomunikasi dengan kawan dan pensyarah | 4.61 | .586 | Tinggi |

| | | | | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|--------|
| B5 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang berpewatakan baik dan mulia | 4.56 | .640 | Tinggi |
| B6 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kelas | 4.50 | .643 | Tinggi |
| B7 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang berkeyakinan dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya Barat yang bertentangan dengan agama | 4.48 | .718 | Tinggi |
| B8 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian | 4.50 | .666 | Tinggi |
| B9 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang tetap pendirian dalam mempertahankan keputusan yang berlandaskan kepada agama | 4.55 | .568 | Tinggi |
| B10 | Kurikulum Pengajian Islam/Pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang mempunyai semangat juang yang tinggi | 4.47 | .643 | Tinggi |

Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral. Item 4 pada bahagian B iaitu “Kurikulum pengajian Islam/pendidikan Moral berkesan dalam membentuk pelajar yang menggunakan bahasa sopan ketika berkomunikasi dengan kawan dan pensyarah” menunjukkan skor min yang tertinggi pada bahagian ini. Min item 4 adalah min = 4.61, sisihan piawai = 0.586 iaitu berada pada tahap tinggi. Kenyataan kajian Abu Dzar Ahmad et al. (2021) menyokong dapatan ini, bahawa dalam percakapan dan menyampaikan mesej seseorang individu perlu menggunakan kesantunan berbahasa dalam komunikasi. Penggunaan bahasa yang sopan dapat mencerminkan seseorang ke arah kebaikan. Menurut kenyataan Ahmad Fuad et al. (2020), penggunaan bahasa yang sopan adalah perkara asas dan penting dalam berkomunikasi dan ianya menggambarkan ketinggian adab, akhlak dan sahsiah dalam sesebuah masyarakat. Min keseluruhan pada bahagian B ialah min = 4.52, sisihan piawai = 0.539 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

4.3 Tahap Penghayatan Pelajar Terhadap Sahsiah Berkualiti

Jadual 8. Tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral.

| No. Item | Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Tahap Interpretasi |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------|--------------------|
| C1 | Saya beramal dengan sifat sabar dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh para pensyarah | 4.29 | .644 | Tinggi |
| C2 | Bersikap jujur menjadi amalan saya dalam pergaulan | 4.28 | .639 | Tinggi |
| C3 | Saya sentiasa bekerjasama dengan kawan-kawan dalam menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah | 4.47 | .595 | Tinggi |
| C4 | Saya sentiasa menepati janji | 4.02 | .762 | Tinggi |
| C5 | Saya sentiasa bersifat rendah diri terhadap rakan sebaya | 4.26 | .699 | Tinggi |
| C6 | Saya sangat bersimpati kepada rakan sekiranya mereka berdepan dengan masalah | 4.51 | .557 | Tinggi |
| C7 | Saya sentiasa patuh kepada arahan pensyarah | 4.40 | .624 | Tinggi |
| C8 | Saya sentiasa menjaga bahasa dan tutur kata di Politeknik | 4.23 | .728 | Tinggi |
| C9 | Saya sentiasa menjaga adab dan batas pergaulan saya di Politeknik | 4.36 | .617 | Tinggi |
| C10 | Saya mengamalkan kebersihan diri di dalam kehidupan saya di Politeknik | 4.59 | .550 | Tinggi |

Hasil dapatan kajian item 10 pada bahagian ini iaitu “Saya mengamalkan kebersihan diri di dalam kehidupan saya di Politeknik” menunjukkan skor min yang paling tinggi untuk bahagian C. Nilai min item ini berada pada tahap tinggi iaitu min = 4.59, sisihan piawai = 0.550. Menurut Shahzad Bashir dan Sarfraz Masih (2018), amalan kebersihan adalah perkara yang utama agar dapat menikmati gaya hidup yang sihat dan baik. Kebersihan berkait rapat dengan sikap individu. Dapatan kajian ini didapati turut selari kajian Hasbullah Mat Daud et al. (2020), bahawa melalui pembelajaran sosial, ianya dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar. Min keseluruhan bagi bahagian C ialah min = 4.34, sisihan piawai = 0.480 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

4.4 Hubungan Antara Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan Pembentukan Sahsiah Pelajar

Jadual 9. Hubungan antara kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan pembentukan sahsiah pelajar.

| | | Pemahaman Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral | Pembentukan Sahsiah Pelajar |
|----------------------------------------------------------|---------------------------------|----------------------------------------------------------|-----------------------------|
| Pemahaman Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral | Korelasi Person Sig. (1-tailed) | 1 | 0.585** |
| | N | 137 | 137 |

** Signifikan pada aras keyakinan 0.01 (1-tailed).

Jadual 9 menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat antara pemboleh ubah pemahaman pelajar terhadap kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dengan tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah berkualiti iaitu ($r=0.585^{**}$, $p<0.05$). Menurut Sh. Noohidayah Syed Aziz et al. (2022), dalam menjayakan peribadi sahsiah yang murni, pembelajaran yang mantap dan berterusan oleh semua pihak sangat diperlukan. Dapatan ini turut disokong dengan kenyataan Hasbullah Mat Daud et al. (2020), bahawa pendidikan adalah elemen utama dalam pembentukan sahsiah yang berkualiti dalam diri pelajar. Tujuan pendidikan akhlak dalam pembelajaran sosial adalah berperanan melahirkan masyarakat yang dilengkapi budi pekerti yang tinggi dengan nilai-nilai keagamaan. Pendidikan akhlak adalah wajib dipelajari bagi semua lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja dan pelajar.

5. Kesimpulan

Kajian ini menjelaskan bahawa pelajar dapat dipengaruhi oleh kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dalam membentuk peribadi sahsiah yang lebih sempurna. Hasil dapatan menunjukkan kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral adalah salah satu teras utama dalam pembentukan sahsiah pelajar. Seorang pensyarah juga berperanan penting membimbing pelajar dalam memberi kefahaman tentang pendidikan akhlak agar nilai murni dapat diamalkan dalam kehidupan, seterusnya diterjemahkan dalam perbuatan seharian pelajar. Pelajar perlulah didedahkan dengan ilmu-ilmu dan konsep-konsep pendidikan akhlak dan sahsiah seperti yang terkandung dalam kursus Pengajian Islam dan Pendidikan Moral. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat dijadikan garis panduan dan sumber rujukan dalam meningkatkan lagi kesedaran pelajar dalam penghayatan pembentukan sahsiah yang berkualiti. Selain itu, pelajar juga diharapkan dapat mengamalkan ilmu asas pendidikan akhlak dalam kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral seterusnya menyumbang ke arah pembentukan sahsiah pelajar yang berkualiti.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden kerana telah meluangkan masa, melengkapkan semua soalan dalam borang soal selidik yang diberikan. Terima kasih diucapkan kepada International Conference on Research and Innovation in Sustainable Cities (ICRISC 2022) anjuran Politeknik Ungku Omar dan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia kerana menyediakan platform ini sehingga berjaya dibentang dan diterbitkan. Penghargaan juga diucapkan kepada semua pensyarah kursus Unit Pendidikan Islam, Politeknik Mukah yang terlibat sehingga terhasilnya kertas kajian ini.

Rujukan

- Abu Dzar Ahmad, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Muhamad Fairuz Ali. (2021). Elemen kesantunan bahasa dalam cara Rasulullah SAW berinteraksi. *Jurnal Al-Sirat*. 2(19),112-120.
<https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/138/111>
- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pencegahan dan hukuman perbuatan buang bayi menurut perundangan syariah dan sivil di Malaysia: Cukupkah undang-undang yang ada? *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*. [S.l.], v. 30, n. 2, p. 339-362, july 2018. ISSN 2682-8057. <http://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/1370>
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib. (2020). Amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*. 36 (4). pp. 410-427. ISSN 0128-1496.
<http://journalarticle.ukm.my/16127/1/44906-144500-1-PB.pdf>
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim, Mohd Nizam Sahad, Rosmawati Mohamad Rasit. (2020). Persepsi pelajar terhadap pembentukan akhlak melalui penerapan nilai murni dalam aktiviti dakwah kesenian di smka negeri kedah (Student's Perception Towards Formation of Morals (Akhlak) by Inculcating Noble Values in the Art Da'wah Activity in SMKA of Kedah). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 1–16. <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n2.398>
- Aimi Khairunnisa binti Abdul Karim, Nurliana Suhaimi. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah @ JTuah*(e-ISSN:2756-8350).Vol.12020 :41-53.
<file:///C:/Users/LENOVO/Downloads/687-1196-1-SM.pdf>
- Asmawati Suhid, Fathiyah Fakhruddin, Lukman Abdul Mutalib, & Abd. Muhsin Awang. (2018). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak murid banduan muda: satu tinjauan awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(9), 17–29.
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/12382/1/Amalan%20Penga>



[ajaran%20Guru%20Pendidikan%20Islam%20Dalam%20Menerapkan%20Nilai%20Akhlaq%20Murid%20Banduan%20Muda%3B%20Satu%20Tinjauan%20Awal.pdf](#)

Asming Yalawae, Ahmad Farid Ibrahim. (2007). Akhlak warisan Rasulullah SAW membawa kemuliaan umat. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 26 (2007).
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5420/3201>

Davis, J. A. (1971). Elementary survey analysis. Englewood cliffs, New Jersey: *Prentice-Hall*

Fatimah Ibd. (2012). Pendidikan Moral anak melalui pengajaran bidang studi PPKn dan pendidikan Agama. *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA*. VOL. XII NO. 2, 338-347.
<file:///C:/Users/LENOVO/Downloads/457-845-1-SM.pdf>

Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir, Salina Nen. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 1, 084-093, ISSN: 1823-884x.
https://mviurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/20151/e_bangi_7_12_8.pdf

Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail, Rorlinda Yusof. (2013). Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 2.
<https://www.researchgate.net/publication/297909078>

Hasbullah Mat Daud, and Ahmad Yussuf, and Fakhrul Adabi Abdul Kadir, (2020) Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 17 (9). pp. 75-89. ISSN 1823-884x
<http://journalarticle.ukm.my/17017/1/44628-143588-1-SM.pdf>

Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (2005). Lisan al-Arab. Beirut: *Dar Sadir*

Kenyataan Media Statistik Jenayah, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021).
https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo, Nor Ellina Abdul Razak. (2012). Kecerdasan sosial dan emosi guru cemerlang Pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 1, 094-104. ISSN: 1823-884x.
<http://journalarticle.ukm.my/5016/1/khadijah012.pdf>



Khuldiah Iman Mohd Ghazali, Hilwa Abdullah. (2019). Sejauh manakah ketagihan seksual didorong oleh kebimbangan dan cinta berahi dalam kalangan mahasiswa lelaki di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. 3(1) Mac 2019: 1-11.
<https://spai.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/202/170>

Lukman Hakim Ahmad (2014). Persepsi pelajar terhadap kurikulum pendidikan Islam Politeknik dalam pembentukan sahsiah muslim. Selangor: *Jurnal Pendidikan Malaysia*

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari, Norazimah Zakaria. (2020). Kesediaan guru pendidikan islam dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, [S.l.], v. 2, n. 2, p. 9-17, may 2020. ISSN 2682-8464. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/9167>

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan pendidikan. Johor: *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan. Johor: *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*

Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham, A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan motivasi dalam dakwah remaja. Sains Malaysiana. *Jurnal Hadhari* 10 (1). pp. 77-92. ISSN 1985-6830 eISSN 2550-2271.
<http://journalarticle.ukm.my/12103/1/25682-76637-1-SM.pdf>

Noraini Harun, Mohd Khuzairy Mohd Yusof, Rosmawati Jalal. (2021). Analisis penilaian keberkesanan sistem penasihat akademik di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. e-ISSN2811-4051.
http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak6/eprosiding2021/e-proceeding_pasak2021_034.pdf

Roshadah Abu Bakar, Suhaila Mustaffa, Solhal Huda Sahidan. (2020). Persepsi pelajar terhadap program pemantauan sahsiah dan tahap pengetahuan serta amalan asas islam dalam kalangan pelajar politeknik tuanku syed sirajuddin. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*.
<https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/IMC%202020/345-358.pdf>

Rosni Wazir, Abur Hamli Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, Syamim Zakwan Rosman. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *comprehension. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415-424.
<http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsvad/article/view/95/73>



- Sh. Noohidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*. 15(1), 259-271. <https://ipi.kuis.edu.my/index.php/ipi/article/view/169>
- Shahabuddin Hashim, Noor Shafrin Ahmad, Haslinda Yusof. (2014). Modul memperkasa sahsiah waja diri pelajar abad ke-21. Selangor: *PTS Akademia*. https://books.google.com.my/books?id=7CWfngEACAAJ&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false
- Shahidan Bin Shafie, Ying-Leh Ling. (2017). Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: satu kajian korelasi di Politeknik. *Conference: National Conference on Thinking Culture (NCTC)*. https://www.researchgate.net/publication/325140627_Pembentukan_Sahsiah_Berkualiti_melalui_Penghayatan_Kurikulum_Pengajian_Islam_Satu_Kajian_Korelasi_di_Politeknik
- Shahzad Bashir, Sarfraz Masih. (2018). School Health Services Project on Personal Hygiene among School Children of Age 12–15 in Underprivileged Community in Karachi. *Biomedical Journal of Scientific & Technical Research* 7(4)- 2018. BJSTR. MS.ID.001531.DOI:10.26717/BJSTR.2018.07.001531. <https://biomedres.us/pdfs/BJSTR.MS.ID.001531.pdf>
- Supyan Husin. (2014). Definisi Falsafah Pendidikan Islam Dan Falsafah Pendidikan Di Malaysia. <http://supvanhussin.wordpress.com/2014/01/16/definisi-falsafah-pendidikan-islam/>